

05/03/1998

Tanah perindustrian 400 hektar untuk pertanian

KANGAR, Rabu - Kerajaan negeri sedia membenarkan tanah perindustrian kira-kira 400 hektar di Sungai Chuchoh, di Padang Pesar, digunakan sebagai tapak sementara bagi pertanian.

Ia bertujuan memanfaatkan tanah itu bagi membantu meningkatkan pengeluaran pelbagai hasil pertanian dalam negara, sementara menunggu projek perindustrian dimulakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kebenaran itu juga disebabkan Perlis tiada langsung tanah kosong untuk dimajukan dengan kegiatan pertanian secara komersil.

"Sungguhpun kita tiada tanah kosong untuk dimajukan dengan tujuan itu, kempen menanam sayur tetap digerakkan dan diberi perhatian utama oleh kerajaan negeri.

"Antara langkah yang diambil ialah menanam sayur secara hidroponik serta dalam rumah lindungan hujan, selain menggalakkan penduduk menanam sayur.

"Kita juga mengambil keputusan membenarkan pihak yang berminat menjalankan projek pertanian secara besar-besaran di tapak perindustrian sementara menunggu projek itu bermula," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini, hari ini.

Pada April 1996, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan majlis menandatangani 21 Perjanjian Persefahaman di tapak perindustrian itu.

Bagaimanapun, projek perindustrian itu tidak dapat dilaksanakan sehingga kini disebabkan beberapa faktor termasuk pengambilan tanah daripada penduduk dan kelembapan ekonomi.

(END)